

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 26 Julai 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA, JUN 2024

**Terma Perdagangan Malaysia bertumbuh 1.3 peratus pada Jun 2024,
disumbangkan terutamanya oleh minyak galian.**

PUTRAJAYA, 26 JULAI 2024 – Harga eksport Malaysia pada Jun 2024 kekal meningkat 0.6 peratus daripada 150.3 mata pada bulan sebelumnya kepada 151.2 mata, manakala harga import berkurang 0.7 peratus kepada 130.0 mata. Sementara itu, terma perdagangan Malaysia bertambah 1.3 peratus bulan ke bulan kepada 116.3 mata, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Jun 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, indeks nilai seunit eksport meningkat 0.6 peratus pada Jun 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+2.4%), makanan (+1.2%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.2%). Namun begitu, indeks volum eksport merosot 2.1 peratus selaras dengan kejatuhan indeks barang-barang keluaran kilang (-13.8%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-13.6%) dan pelbagai barang

keluaran kilang (-7.7%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim turut jatuh 13.5 peratus daripada 172.2 mata kepada 149.0 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit bertambah 6.6 peratus manakala indeks volum berkurang 4.6 peratus.


Indeks nilai seunit import jatuh 0.7 peratus pada Jun 2024, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-6.0%), minyak galian (-2.8%) dan bahan kimia (-0.5%). Sementara itu, indeks volum import turut merosot 4.7 peratus pada Jun 2024 berbanding Mei 2024, disumbangkan oleh kejatuhan indeks barang-barang keluaran kilang (-13.0%), bahan kimia (-6.1%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-2.8%). Indeks volum import pelarasan bermusim berkurang 15.7 peratus daripada 220.9 mata kepada 186.2 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit dan indeks volum import masing-masing berkembang 1.2 peratus dan 16.4 peratus.

Pada masa yang sama, terma perdagangan Malaysia menokok 1.3 peratus bulan ke bulan kepada 116.3 mata pada Jun 2024, didorong oleh kenaikan indeks minyak galian (+5.4%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+2.8%) dan makanan (+1.1%). Terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun naik 5.4 peratus daripada 111.4 mata pada Jun tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2022 – Jun 2024**

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

26 Julai 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, July 26th 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,
MALAYSIA, JUNE 2024**

Malaysia's terms of trade grew by 1.3 per cent in June 2024, mainly attributable to mineral fuels.

PUTRAJAYA, JULY 26, 2024 – Malaysia's export prices in June 2024 increased by 0.6 per cent from 150.3 points in the previous month to 151.2 points, while import prices decreased by 0.7 per cent to 130.0 points. However, Malaysia's terms of trade grew by 1.3 per cent month-on-month to 116.3 points as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), June 2024**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that, the export unit value index went up by 0.6 per cent in June 2024 as compared to the previous month, led by the increase in the index of mineral fuels (+2.4%), food (+1.2%) and machinery & transport equipment (+0.2%). However, the export volume index went down by 2.1 per cent in line with the decrease in the index of manufactured goods (-13.8%), animal & vegetable oils & fats (-13.6%) and miscellaneous manufactured articles (-7.7%). The seasonally adjusted export volume index also decreased by 13.5 per cent from 172.2 points to 149.0 points. With regards to the annual comparison, the unit value index edged up by 6.6 per cent, while the volume index edged down by 4.6 per cent.

The import unit value index declined by 0.7 per cent in June 2024, contributed from the decrease in the index of animal & vegetable oils & fats (-6.0%), mineral fuels (-2.8%) and chemicals (-0.5%). Meanwhile, the import volume index also dropped by 4.7 per cent in June 2024 as compared to May 2024, attributed from the decrease in the index of manufactured goods (-13.0%), chemicals (-6.1%) and machinery & transport equipment (-2.8%). The seasonally adjusted import volume index went down by 15.7 per cent from 220.9 points to 186.2 points. Year-on-year comparison showed that the import unit value index and volume index expanded by 1.2 per cent and 16.4 per cent, respectively.

In addition, Malaysia's terms of trade increased by 1.3 per cent month-on-month to 116.3 points in June 2024, driven by the increment in the index of mineral fuels (+5.4%), animal & vegetable oils & fats (+2.8%) and food (+1.1%). Malaysia's terms of trade rose by 5.4 per cent year-on-year from 111.4 points in June of the previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2022 – June 2024

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
26 July 2024